

TAMADUN
AWAL

MAMANSISA



WARTAWAN
NOR'ASYIKIN MAT HAYIN
asyikin.mat@hmetro.com.my



GRAFIK
FAHMY HASHIM
m.fahmy@mediaprima.com.my

Proses perkembangan tamadun manusia mempunyai kaitan kuat dengan pembentukan dan perubahan alam semula jadi serta persekitarannya.

Bukti peninggalan artifak menerusi hasil penyelidikan arkeologi dan kajian saintifik

memberikan perspektif baharu dalam pembinaan semula perkembangan tamadun berkenaan.

Di Malaysia, usaha membongkar perkembangan tamadun manusia secara saintifik antaranya membabitkan Lenggong, Kota

Tampan dan Kuala Selinsing di Perak serta Gua Cha di Kelantan.

Infografik minggu ini mengetengahkan tiga zaman yang dikaitkan dengan zaman perkembangan tamadun manusia.

TAMADUN AWAL

A

ZAMAN PERM

Zaman ini menjelaskan teori sains mengenai pembentukan muka bumi dan alam semula jadi yang menyumbang kepada perkembangan budaya manusia zaman prasejarah.

B

ZAMAN PRASEJARAH

Menjelaskan proses perkembangan budaya manusia bermula dari zaman Paleolitik, Haobinhian/Epi-Paleolitik, Neolitik hingga zaman Logam.

ZAMAN PERM

Zaman ini menjelaskan teori sains mengenai pembentukan muka bumi dan alam semula jadi yang menyumbang kepada perkembangan budaya manusia zaman prasejarah.

Pembentukan muka bumi

- Permukaan bumi terdiri daripada kepingan keras kerak dikenali sebagai plat tektonik.
- Plak tektonik terpisah antara satu dengan lain, tetapi sentiasa bergerak perlahan-lahan iaitu beberapa sentimeter (cm) setiap tahun.
- Pelanggaran antara plak tektonik kerap berlaku mengakibatkan gelinciran, sesaran dan canggaan batuan pada zon pelanggaran benua dan zon subduksi.
- Pemahaman mengenai aktiviti tektonik dapat dijelaskan melalui teori tektonik.
- Ia menerangkan bagaimana kerak benua dan kerak lautan bergerak, bercantum dan berpisah sejak jutaan tahun lamanya.

TEORI TEKTONIK



ZAMAN PERMIAN/PERM (250 hingga 225 juta tahun lalu)


Sebuah benua atau daratan yang sangat luas dikenali sebagai pangaea, wujud pada zaman Permian.



ZAMAN TRIASSIC (230 hingga 200 juta tahun lalu)

Akibat pergerakan plat tektonik pada zaman Triassic, benua ini mula terpisah kepada dua bahagian. Masing-masing bergerak ke arah berlainan.

Laurasia bergerak ke utara membentuk benua Eropah, Amerika Utara dan Asia (kecuali India). Manakala Gondwana bergerak ke selatan membentuk benua Afrika, Amerika Selatan, Australia, Antartika serta benua lain.



JURASSIC (150 juta tahun lalu)

Benua terpisah secara berperingkat pada zaman Jurassic akhir.



CRETACEOUS (65 juta tahun lalu)

Benua terus terpisah secara berperingkat.



MASA KINI

Pergerakan tektonik membentuk muka bumi seperti sekarang.

Pergerakan tektonik akan terus berlaku yang mengubah sedikit demi sedikit bentuk muka bumi dan kedudukan geografi dunia.

B

ZAMAN PRASEJARAH

Menjelaskan proses perkembangan budaya manusia bermula dari zaman Paleolitik, Haobinhian/Epi-Paleolitik, Neolitik hingga zaman Logam.

1

ZAMAN PALEOLITIK

(Kira-kira 50,000 hingga 100,000 tahun lalu)

- Manusia hidup secara nomad atau berpindah-randah dalam kumpulan kecil untuk mencari makanan.
- Memburu binatang, menangkap ikan dan mengutip hasil hutan sebagai makanan.
- Menggunakan batu, kayu dan tulang binatang untuk membuat peralatan memburu.
- Manusia ini tinggal dalam gua atau pondok yang diperbuat daripada ranting dan rumput.



ALAT batu



ALAT kerakal



PUING

2

HAOBINHIAN/ EPI-PALEOLITIK

(Sekitar 12,000 hingga 5,000 tahun lalu)

- Sebuah kampung terletak lima kilometer dari pekan Lenggong, Perak yang wujud 74,000 tahun lalu.
- Kota Tampan menjadi tapak sebuah bengkel membuat peralatan batuan zaman Paleolitik.
- Tapak paleolitik penting kerana ia memberikan maklumat industri tilik (batuan) zaman Paleolitik di Asia Tenggara.

- Cara hidup manusia berpindah-randah, mengumpul sumber tumbuh-tumbuhan, kerang-kerangan, memburu haiwan dan menangkap ikan.
- Masyarakat zaman itu mengubumikan mayat dalam keadaan meringkuk dengan lutut berlipat ke dagu.



KAPAK batu berbahu



ALAT kerakal dua muka



ALAT tulang masyarakat memburu

ZAMAN NEOLITIK

(Sekitar 4,000 tahun lalu)

- Masyarakatnya mula mengalami perubahan besar dan tamadun baharu dalam kehidupan.
- Mula menggunakan peralatan berasaskan batu seperti beliung dan kapak yang diperbuat pelbagai bentuk.



ALAT
beliung
bergilap

KAPAK batu



ALAT tembikar

GAMBARAN
wajah Manusia
Perak

MANUSIA PERAK

- Adalah tinggalan manusia moden terpenting yang pernah ditemui di Malaysia kerana usianya lebih 10,000 tahun.
- Seorang lelaki yang dilahirkan dalam keadaan kecacatan 'brachymesopthalangia' jenis dua.
- Penemuan manusia Perak ini penting untuk mengetahui asal usul manusia di Malaysia.



REPLIKA rangka Manusia Perak



MANIK ditemui dari tapak arkeologi di Semenanjung Malaysia

ZAMAN LOGAM


(Sekitar 3,000 hingga 2,500 tahun lalu hingga awal masihi)

- Kemunculan zaman ini menandakan tamatnya penggunaan alat batu dan bermulanya penggunaan teknologi baharu.
- Masyarakat mula terbabit dalam aktiviti perlombongan bahan galian iaitu timah dan emas.
- Tradisi pengebumian ialah mayat ditanam di dalam kubur yang ditutup dan disusun dengan batu kepingan.

ZAMAN GANGSA

(Sekitar 3,000 tahun lalu)

- Penemuan bahan acuan membuat kapak gangsa di tapak arkeologi Gua Harimau, Perak.



GENDANG gangsa



LOCENG gangsa

ZAMAN BESI

(Awal kurun Masihi)

- Dipercayai wujud di Malaysia pada awal kurun Masihi hingga kurn ke-7 Masihi.
- Penemuan artifak besi seperti kapak, beliung, sabit, pisau dan mata lembing.



ALAT daripada besi yang dikenali sebagai tulang mawas



SISA logam (besi)

MEGALIT

- Penggunaan bongkah batu granit yang besar dalam bentuk menhir, dolmen dan kubur batu kepingan.
- Dalam kelompok megalit ini, biasanya terdapat satu batu tegak yang lebih besar, dikenali sebagai 'ibu'. Manakala saiz biasa pula dinamakan Tok.



BATU megalit dari tapak megalit Kampung Terachi, Negeri Sembilan

ZAMAN PROTO SEJARAH

C

Zaman ini dikaitkan dengan kepercayaan keagamaan (Hinda-Budha) dengan tamadun dan budaya lebih kompleks.

- Bukti arkeologi menunjukkan pada zaman ini sudah mempunyai rekod bertulis awal yang terhad.
- Zaman ini wujud di Malaysia awal Masihi hingga kemunculan kerajaan Islam di Terengganu dan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi.
- Bukti artifak ditemui seperti batu bersurat.

KUALA SELINSING, PERAK

- Tapak arkeologi Kuala Selinsing adalah tapak perdagangan awal di persisiran pantai terpenting di Semenanjung Malaysia.
- Ada bukti kajian menunjukkan penduduknya tinggal dalam rumah yang dibina menggunakan tiang batang kayu.

*BATU Bersurat
Budha Gupta*



PERIUK tembikar, Kuala Selinsing

LEMBAH BUJANG, KEDAH

- Penempatan kerajaan Melayu di Selatan Kedah dan Pulau Pinang pada kurun keempat.
- Pusat pemerintahan kerajaan tertua di negara ini.
- Masyhur sebagai pusat perdagangan antarabangsa pada kurun keempat hingga ke-14 masihi.
- Beberapa fasa perkembangan perdagangan di Lembah Bujang.

PERDAGANGAN AWAL

- Sistem perdagangan paling awal di Malaysia bermula sejak zaman Neolitik.
- Barangan hutan seperti damar ditukar kepada hasil laut dan tembikar.



*SERPIHAN seramik import
jenis kelukuran percik*



MANIK ini dipercayai barang dagangan dari India



DAMAR



*KEPALA
lembu
jantan*